

10 NOV 1996

Anwar-Deepavali (Bergambar)

ANWAR KUNJUNGI RUMAH TERBUKA PEMIMPIN INDIA

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyertai seluruh rakyat Malaysia menyambut perayaan Hari Deepavali dengan mengunjungi beberapa rumah terbuka pemimpin India yang merayakan perayaan itu.

Anwar bersama isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mengunjungi rumah terbuka Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu di Dewan Sekolah Menengah Persendirian Chong Hwa, Jalan Ipoh.

Anwar yang tiba di dewan itu pada pukul 10.15 pagi, turut memotong kek Deepavali yang disediakan khas untuk tetamu yang hadir di rumah terbuka Samy Vellu.

Selepas kira-kira 45 minit, Anwar kemudian beredar ke rumah terbuka Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk S. Subramaniam di Petaling Jaya.

Turut hadir di kedua-dua rumah terbuka itu ialah Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad dan beberapa menteri kabinet lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersama masyarakat Malaysia menyambut perayaan itu tahun ini kerana sedang dalam lawatan rasmi ke Ghana.

Sementara itu, seramai 1,500 orang hadir di majlis rumah terbuka Parti Gerakan di Ibupejabat parti di Jalan Pudu Ulu di sini.

Bekas Pengarah filem tahun 60an Datuk L.Krishnan turut mengadakan sambutan perayaan itu dengan meraikan bersama 600 kanak-kanak yatim dan golongan kurang bernasib baik di Institut St John di sini. -- BERNAMA

WE RON